

RON95 turun 38 sen, RON97 kurang 36 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 turun 38 sen seliter kepada RM1.44, manakala RON97 dan diesel masing-masing turun 36 sen dan 12 sen.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam, menyatakan harga runcit bagi RON97 adalah RM1.74 manakala diesel, RM1.75.

Menurut kenyataan itu, harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 21 hingga 27 Mac ini.

"Penurunan harga runcit produk petroleum ini disebabkan harga minyak mentah dunia terus menurun akibat ketidaktentuan ekonomi global akibat pandemik COVID-19.

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah sesuai memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," katanya.